

RISALAH MAKLUMAT PRODUK – PEMBIAYAAN SOLAR FOTOVOLTAIK (FV) SISTEM

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Maklumat Produk (RMP) ini memberikan maklumat utama mengenai Pembiayaan Solar FV Sistem anda.

Pelanggan lain telah membaca dan mendapatinya berguna; **anda perlu membacanya juga.**



Tarikh:

1 Apa Itu Pembiayaan Solar FV Sistem?

Pembiayaan Solar FV Sistem adalah kemudahan yang membiayai pembelian dan pemasangan Panel Surya serta peralatan yang berkenaan. Peralatan tersebut merangkumi seperti pengawal cas, penyongsang (inverter), storan bateri, waranti lanjutan dan lain-lain peralatan yang berkenaan berserta fi pemasangan seperti yang dinyatakan dalam invoice. Pembiayaan ini ditawarkan pada kadar faedah terapung dan dikira menggunakan kaedah pengurangan baki pembiayaan.

2 Ketahui Tanggungjawab Anda

Sebagai **ilustrasi** pembiayaan ini:

- Jumlah pembiayaan: **RM30,000**
- Ansuran bulanan anda: **RM325**
- Tempoh pembiayaan anda: **10 tahun**
- Kadar faedah: **KAS + 2.70%**
- Kadar faedah efektif: **5.45%**

Jumlah bayaran keseluruhan adalah RM38,974 selepas 10 tahun.

Nota:

1. *Kadar Asas Standard (KAS) adalah 2.75% berkuat kuasa dari 11 Julai 2025.*
2. *KAS ditetapkan berdasarkan Kadar Dasar Semalaman (KDS) yang ditentukan oleh Bank Negara Malaysia. KAS boleh meningkat atau menurun selaras dengan perubahan KDS, dan mungkin menyebabkan bayaran bulanan anda bertambah atau berkurang.*

Menjadi tanggungjawab anda untuk:



Membaca dan memahami **terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Membayar ansuran bulanan anda tepat pada masa dan sepenuhnya selama **10 tahun**. Hubungi kami jika anda ingin menyelesaikan pinjaman lebih awal.



Pastikan anda mampu untuk **membayar ansuran bulanan yang lebih tinggi** jika Kadar Dasar Semalaman (KDS) meningkat.



Hubungi kami segera sekiranya anda tidak dapat membayar ansuran bulanan anda.

Anda perlu membayar yuran dan caj berikut:

- Duti setem: Ad-valorem iaitu **RM5.00 bagi setiap RM1,000** atau sebahagian daripadanya. Mengikut Akta Setem 1949 (Pindaan 1989)
- Caj Lewat Bayar: **1%** setahun ke atas amaun tertunggak

Sekiranya anda ingin menyelesaikan pembiayaan lebih awal, anda perlu tahu:

- Tiada caj penalti akan dikenakan.

3

Ketahui Risiko Anda

Apa berlaku jika anda mengabaikan tanggungjawab anda?

- Anda akan **membayar lebih daripada jumlah keseluruhan** disebabkan caj lewat bayar dan faedah berganda.
- Kami mungkin **menggunakan** sebarang baki kredit dalam akaun anda dengan kami untuk menyelesaikan baki pembiayaan anda.
- Kami mungkin mengambil **tindakan undang-undang** terhadap anda.
- **Skor kredit** anda berkemungkinan terjejas, menjadikan akses kepada kredit lebih sukar atau lebih mahal pada masa hadapan

Ansuran bulanan anda mungkin meningkat semasa tempoh pembiayaan

KAS mungkin meningkat disebabkan kenaikan KDS yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Peningkatan KAS bermaksud anda perlu membayar ansuran bulanan yang lebih tinggi.

	Kadar Semasa	Kadar meningkat 1%	Kadar meningkat 2%
Ansuran bulanan	RM 325	RM 340	RM 356
Jumlah faedah	RM 8,974	RM 10,780	RM 12,600
Jumlah bayaran	RM 38,974	RM 40,780	RM 42,600

4

Terma Penting Lain

- Adalah penting untuk anda memaklumkan sebarang perubahan maklumat untuk menghubungi anda supaya surat-menyurat dapat disampaikan tanpa kelewatan.
- Anda digalakkan untuk mendapatkan perlindungan insurans bagi melindungi baki tertunggak pembiayaan anda sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya kekal. Insurans boleh diambil daripada panel penyedia insurans kami atau syarikat insurans lain yang diluluskan oleh Bank.
- Bayaran pinjaman akan diberikan kepada pembekal panel solar setelah pemasangan selesai dan mendapat pengesahan daripada pelanggan atau wakil pelanggan.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkenaan pembiayaan ini, anda boleh:



Hubungi kami
1-300-88-6688



Kunjungi kami di cawangan
Maybank/Maybank Islamic
berhampiran anda



Layari laman web
maybank.my/solarfinancing-i

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan memahami tentang apa yang anda tandatangani.

Saya mengakui bahawa Maybank telah memberikan saya salinan RMP ini.

Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RMP ini.

**Pengakuan anda terhadap RMP ini tidak akan menjejaskan hak anda untuk mendapatkan penyelesaian sekiranya berlaku pertikaian berhubung dengan terma dan syarat..*

.....
Nama:

Tarikh: